

Badan Islam serah lebih \$200,000 bagi bantu pelarian perang Syria



USAHAKAN BANTUAN: Antara anggota yang mengusahakan bantuan bagi pelarian di Syria ialah (dari kiri) Encik Mohamad Helmy Mohd Isa; Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur; Haji Paiman Supangat dan Encik Zainul Abidin Ibrahim. – Foto TAUFIK A. KADER

SEKUMPULAN pegawai daripada badan Islam telah menyerahkan cek sekitar \$221,000 kepada badan kemanusiaan di Turkey bagi membantu mangsa pelarian perang Syria.

Dana tersebut merupakan hasil kutipan derma kilat anjuran Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) pada April lalu, yang kemudiannya diserahkan kepada kumpulan Bantuan bagi Pelarian Syria (Asrit) di Turkey.

Asrit terdiri daripada Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX) dan laman pengajian Islam, SimplyIslam.

Kumpulan tersebut termasuk Pengerusi Jawatankuasa Masjid-Masjid RLAF, Haji Paiman Supangat; Anggota Lembaga Pengamanah RLAF, yang juga Pengarah, Pendekatan Strategik, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Encik Zainul Abidin Ibrahim; Pengarah, Masjid, Muis, Encik Mohamad Helmy Mohd

Isa; dan Presiden MEX, Dr Mohd Nawab Mohd Osman.

Semasa ke Turkey selama lima hari bulan lalu, mereka telah mengunjungi ibu pejabat agensi bantuan kemanusiaan, Kimse Yok Mu (KYM), di Istanbul bagi menyerahkan hasil kutipan tersebut.

Sebahagian daripada dana yang terkumpul itu – iaitu sebanyak \$150,000 – diketepikan bagi membina sekolah anak pelarian perang Syria sementara bakinya diagihkan dalam bentuk pek makanan, keperluan sekolah dan bekalan perubatan.

Mereka antara lain berkunjung ke Kilis – sebuah bandar kecil dekat sempadan antara Syria dengan bahagian selatan tengah Turkey – bagi menemui mangsa pelarian Syria serta menghulurkan pek bantuan.

Ini termasuk mengagihkan pek makanan yang diisi barang keperluan

an makanan harian bagi sebulan atau dua seperti tepung, minyak dan beras, dan beg sekolah yang diisi dengan buku teks dan bahan tulis.

Semasa di sana, kumpulan tersebut juga meninjau dua tapak yang boleh digunakan bagi membangunkan sebuah sekolah bagi sekitar 400 hingga 500 kanak-kanak pelarian perang Syria.

“Kami mahu membina sebuah sekolah bagi memberi kesan berkekalan. Kanak-kanak golongan paling mudah terjejas kepada trauma. Sekolah akan membantu mereka melenyapkan segala trauma dan tidak memikirkan tentang keganasan serta akan membantu mereka mempunyai masa depan positif,” kata Encik Zainul.

Menurut beliau lagi, KYM akan memberi saranan rekaan bagi sekolah tersebut dalam masa dua bulan, namun perincian lanjut belum ditetapkan.

Pembinaan sebuah sekolah dianggarkan menelan belanja sekitar AS\$250,000 (\$315,000), termasuk keperluan sekolah.

Inisiatif membina sekolah di Kilis telah diterajui Asrit dan disokong RLAF.

Sementara itu, Asrit telah berjaya mengumpulkan sekitar \$360,000 sejauh ini dan akan meneruskan usahanya mengutip derma bagi membantu mangsa pelarian Syria menerusi pelbagai program masyarakat di sini.

Pengasas SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, berkata pihaknya merancang mengadakan projek ‘National Peace Walk’ pada November nanti bagi tujuan tersebut.